



KENYATAAN MEDIA TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA DAN OPERASI KHAS SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA 2024/1445H

Kuala Lumpur, 13 Jun 2024 - Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia sentiasa meneruskan usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya khususnya di musim perayaan. Pada hari ini, MOT dan JPJ telah melaksanakan **Program Kesedaran dan Advokasi Bersasar kepada Pengguna Jalan Raya Bersempena Perayaan Hari Raya Aidiladha 2024 (*Safety Awareness and Focused Advocacy for Road Users - SAFER HRAA 2024*)** sebagai salah satu program kempen keselamatan jalan raya bersempena dengan Sambutan Hari Raya Aidiladha Tahun 2024/ 1445H bermula pada **10 hingga 23 Jun 2024**.

Kempen Keselamatan Jalan Raya Hari Raya Aidiladha pada kali ini adalah memfokuskan kepada **Perjalanan Jauh (*Long-Distance Journey*)**. Fokus ini dilihat apabila akan berlaku pergerakan besar-besaran warga kota ke arah Timur, Utara dan Selatan di lebuh raya - lebuh raya utama dengan peningkatan jumlah trafik, selaras dengan tradisi warga Malaysia semasa musim cuti perayaan iaitu pulang ke kampung atau bercuti bersama keluarga.

Program SAFER HRAA 2024 merupakan program **turun padang** yang menyasarkan kepada pengguna **pengangkutan awam** di mana seperti tahun-tahun sebelumnya, dijangkakan warga kota akan mengambil

kesempatan untuk pulang ke kampung halaman atau bercuti bersama keluarga dengan menaiki pengangkutan bas.

Dalam pada itu, sempena perayaan Aidiladha, JPJ juga turut mengadakan **Operasi Khas Hari Raya Aidiladha 2024 bermula 10 Jun 2024 sehingga 30 Jun 2024**. Ops Khas HRAA ini adalah bertujuan untuk memantau, mengesan dan mengambil tindakan terhadap pengguna jalan raya yang melanggar peraturan-peraturan atau undang-undang jalan raya yang berkuat kuasa.

Sehubungan dengan itu, melalui operasi ini, JPJ menjalankan aktiviti **penguatkuasaan** yang memfokuskan kepada **sembilan (9) kesalahan utama** sempena Ops Khas HRAA 2024 iaitu :

BIL	JENIS KESALAHAN
I.	Memandu melebihi had laju
II.	Gagal mematuhi peraturan lampu isyarat
III.	Memotong di garisan berkembar
IV.	Memandu kenderaan berat di lorong laju
V.	Memandu di lorong kecemasan
VI.	Memotong barisan
VII.	Tidak memakai tali pinggang keledar atau topi keledar
VIII.	<i>Overloading</i>
IX.	Penggunaan telefon bimbit semasa memandu

Pengguna jalan raya adalah dimohon untuk sentiasa **mematuhi undang-undang** dan **peraturan jalan raya** serta bertoleransi bersama pengguna jalan raya yang lain demi keutamaan keselamatan ketika di jalan raya.

Pengguna jalan raya juga boleh menyalurkan aduan berkaitan kesalahan jalan raya melalui **pelaporan secara terus** atau **real time** dengan menggunakan **Aplikasi MyJPJ** melalui menu **e-Aduan@jppj** atau melalui **aduan email JPJ** aduantrafik@jppj.gov.my.

Pada musim perayaan ini, saya juga ingin menasihati pengguna jalan raya supaya memastikan kenderaan masing-masing telah **diselenggara** dengan baik dan selamat digunakan sebelum memulakan perjalanan. Perkara lain yang menjadi keutamaan adalah **rancang perjalanan** supaya pengguna jalan raya dapat menikmati perjalanan yang lebih lancar ke destinasi. Para pengguna jalan raya juga dinasihati agar mempunyai **rehat yang cukup** dan berhenti di tempat yang selamat atau kawasan Rehat dan Rawat (R&R) jika keletihan.

MOT dan JPJ sentiasa komited untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya sentiasa terpelihara seterusnya bagi mencapai sasaran pengurangan statistik kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya sekurang- kurangnya 50% menjelang tahun 2030.

“Pandu Cermat, Sampai Selamat, Keselamatan Jalan Raya Tanggungjawab Bersama”

DATUK HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

13 JUN 2024

[TAMAT]